



PROGRAM RAKYAT SEJAHTERA PARLIMEN HULU SELANGOR



Pada 16 April 2018 yang lalu, YBM Tan Sri Haji Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Program Rakyat Sejahtera Parlimen Hulu Selangor.

Program Rakyat Sejahtera Parlimen Hulu Selangor pada hari ini meliputi lawatan ke projek-projek agensi Kerajaan Persekutuan seperti projek di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pejabat Kesihatan, dan Jabatan Kerja Raya. Projek tersebut meliputi di beberapa Dun di bawah Parlimen Hulu Selangor. Program dimulakan dengan lawatan ke Projek Pembinaan Balai Bomba Bukit Sentosa dan Tapak Tanah Klinik Kesihatan Bukit Sentosa di Dun Batang Kali. Manakala di Dun Kuala Kubu Baru pula, program lawatan diteruskan ke Projek Pembinaan Jambatan Sungai Selangor. Program diakhiri di Felda Soeharto, Dun Hulu Bernam.



Terdahulu Majlis pelancaran Program Sejahtera Rakyat diadakan di Pangsapuri Seri Cempaka, Bukit Sentosa Rawang. YBM Tan Sri Haji Noh Bin Haji Omar telah mengumumkan sebanyak RM490,000.00 telah diluluskan untuk Pangsapuri Seri Cempaka di bawah Peruntukan Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M), KPKT. Peruntukan tersebut meliputi kos untuk membaiki tangga, susur tangan serta pendawaian semula elektrik di Pangsapuri terbabit.

Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M), yang ditubuhkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bertujuan untuk membaik pulih dan menyelenggara perumahan bertingkat kos rendah swasta dan sederhana rendah swasta di bandar-bandar seluruh Malaysia.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat